

Menara YNH diluluskan DBKL

Pembangunan bercampur bernilai RM3 bilion di lokasi strategik seluas 1.2 hektar

Oleh Mahanum Abdul Aziz
bhbiz@bh.com.my

YNH Property Bhd (YNH) mengumumkan syarikat sudah menerima kelulusan dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi perintah pembangunan yang dipinda untuk projek Menara YNH pertamanya.

Menara YNH digambarkan sebagai pembangunan bercampur terdiri daripada servis apartmen, hotel, SOHO (pejabat kecil-rumah pejabat), pejabat, serta ruang runcit yang terletak secara strategik dalam Daerah Pusat Perniagaan Kuala Lumpur.

Pembangunan tanah komersial pegangan bebas itu akan mengambil kawasan seluas kira-kira 1.2 hektar dan nilai pembangunan kasar projek itu dianggarkan berjumlah RM3 bilion.

Pengerusi YNH, Datuk Dr Yu Kuan Chon, berkata kelulusan perintah pembangunan dan pelan bangunan yang dipinda untuk Menara YNH menandakan satu peristiwa penting bagi kumpulan kerana syarikat kini boleh memberi tumpuan kepada penjualan unit kediaman ke pasaran.



Menara YNH menandakan peristiwa penting bagi kumpulan yang memberi tumpuan kepada penjualan unit kediaman ke pasaran. (Foto ihsan YNH)

man ke pasaran.

“Ini dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan masa hadapan kumpulan sambil kami berusaha untuk meningkatkan nilai pemegang saham secara konsisten.

“Berada di kawasan ‘super

mewah’ di persimpangan Jalan Ampang dan Jalan Sultan Ismail, Menara YNH dibayangkan untuk menjadi mercu tanda utama di Kuala Lumpur dan yang dibina dengan mengutamakan inovasi dan kelestarian, dengan pemandangan kami

yang tidak terganggu iaitu pencakar langit kota KL yang cantik,” tambahnya.

Selesai cadangan pelupusan

Dr Yu berkata, kelulusan daripada DBKL adalah tepat pada masanya kerana YNH bercadang untuk menyelesaikan cadangan pelupusan Kiara 163 Retail Park dan AEON Seri Manjung tidak lama lagi.

“Cadangan pelupusan itu akan menjana kemasukan wang tunai RM422.5 juta kepada kumpulan dan ini akan mengukuhkan kunci kira-kira kami dan membolehkan kumpulan memperoleh pembiayaan masa depan yang diperlukan untuk memulakan pembangunan Menara YNH,” jelasnya.

YNH sebelum ini mendedahkan bahawa jumlah pertimbangan sebanyak RM422.5 juta untuk cadangan pelupusan kedua-dua aset itu akan dipenuhi oleh ALX Asset Berhad secara tunai sepenuhnya melalui terbitan nota jangka sederhana (MTN) di bawah cadangan bersandarkan aset program nota jangka (ABS MTN) sehingga RM500 juta dalam nilai nominal.

Cadangan pelupusan itu memerlukan kelulusan daripada pemegang saham YNH pada mesyuarat agung luar biasa yang akan diadakan pada 1 Mac 2023.

YNH mendedahkan bahawa cadangan pelupusan dan Program MTN ABS yang dicadangkan adalah urusan niaga pihak berkaitan dan oleh itu Dr Yu serta Pengarah Urusan YNH Property, Datuk Yu Kuan Huat, berkecuali dan akan terus berkecuali daripada semua perbincangan Lembaga Pengarah, mesyuarat dan mengenai resolusi yang berkaitan dengan cadangan pelupusan.